



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA ABDUL TALIB MOHD. HASSAN
SEBAGAI KARYAWAN SASTERA JOHOR DAN MENGENAI
PENGALAMAN BELIAU DALAM BIDANG PENULISAN DARI TAHUN
1961-SEKARANG**

DISEDIAKAN OLEH:

AIN BALKIS BINTI AHMAD

SITI NURHANIDA BINTI MOKHTAR

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKOLOGI MARA, KAMPUS SEGAMAT, JOHOR.
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604-DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

SEMESTER 05 (MAC 2013 – JULAI 2013)

PENGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM W.B.T,

Transkip ini adalah hasil daripada usaha dan kesabaran daripada pelbagai pihak. Setinggi – tinggi penghargaan kami ucapkan kepada individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Ada juga di antara sumber-sumebr dan idea-idea yang kami ambil, dan kami tidak lampirkan di sini, kami mohon maaf atas segala kesilapan yang telah kami lakukan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah Pengdokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604) iaitu Azura A.Jamil @ Kamarudzzaman yang telah memberi ilmu ini kepada kami dan banyak bersabar dalam mengajar kami menjadi insan yang berpengetahuan. Kami telah belajar banyak pengetahuan dalam matapelajaran ini daripada beliau.

Ucapan terima kasih juga ini ditujukan kepada rakan-rakan sekelas yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat tentang cara-cara menyiapkan kerja kursus ini dengan betul. Dengan sokongan yang padu daripada mereka kami dapat menyiapkan transkrip ini. Kami akan terus menghargai semua jasa baik dan kesabaran yang diberikan kepada kami.

Kepada pensyarah-pensyarah, kakitangan-kakitangan pentadbiran di UiTM Segamat dan pustakawan di perpustakaan Tun Dr Ismail,UiTM Segamat terima kasih kerana turut terlibat dalam menyiapkan kerja kursus ini. Tanpa mereka, mungkin kami tidak dapat menyiapkan kerja kursus ini dengan lengkap.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga kami dan semua rakan – rakan di atas kesabaran dan dorongan sepanjang kerja kursus ini dijalankan. Kami telah belajar banyak perkara dalam mempertingkatkan kemahiran komunikasi, mencari dan juga menganalisa maklumat seperti yang dikehendaki dalam kerja kursus

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Penghargaan	I
Isi Kandungan	II
Abstrak	1
Pengenalan	2
Transkrip	
Tape 1 bahagian A	15
Tape 1 bahagian B	37
Tape 2 bahagian A	54
Tape 2 bahagian B	68

ABSTRAK

Transkrip wawancara bersama Abdul Talib Abd. Hassan sebagai karyawan sastera Johor dan mengenai pengalaman beliau dalam bidang penulisan dari tahun 1961-sekarang

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Abdul Talib Abd Hassan mengenai pengalaman beliau dalam bidang penulisan dari tahun 1961 sampai sekarang. Beliau merupakan salah seorang daripada penulis di Malaysia yang cuba memartabatkan bahasa dan budaya di Malaysia. Hasil penulisan beliau juga telah menerima berbagai pengiktirafan dari pelbagai pihak. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau dan pengalaman beliau selama berkhidmat sebagai guru selama kira-kira 35 tahun di Sekolah Kebangsaan Spang Loi dan pengalaman beliau sebagai seorang penulis. Transkrip ini lebih tertumpu kepada pengalaman beliau menjawat jawatan sebagai seorang guru dan juga penulis buku. Beliau turut menceritakan bagaimana bermulanya karier beliau sebagai seorang guru dan cabaran-cabaran yang telah di hargai dalam memartabatkan anak bangsa agar cintakan budaya ilmu agar Negara kita standing dengan dunia luar.

Kata kunci: Encik Abdul Talib Hassan, penulis, guru, GAPENA, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Saga, Warisan

PENGENALAN

Bahasa dapat dijelmakan sebagai industri yang mampu menjanakan pendapatan yang lumayan jika kena dengan caranya. Namun hal ini, hanya dapat dilakukan oleh pihak yang berkemahiran tinggi dalam bahasa Melayu. Antara usaha yang dapat mendatangkan hasil, termasuklah bidang penulisan. Dalam bidang penulisan, terutamanya penulisan buku, ada penulis yang memperoleh pendapatan ratusan ribu ringgit. Pendapatan ini tidak terhad hanya setahun. Sekiranya sesebuah buku itu masih terus dicetak ulang, seseorang penulis akan memperoleh pendapatan lagi pada tahun berikutnya menerusi royalti yang biasanya dibayar pada setiap akhir tahun. Royalti ini pula, bergantung pada jumlah buku yang dihasilkan oleh seseorang penulis. Jika banyak buku yang dihasilkan oleh seseorang penulis itu laris di pasaran, maka banyaklah royalti yang diperolehnya. Ini dapat kita lihat pada penulis luar negara seperti J.K. Rowling yang telah menjadi jutawan dengan hanya melalui penulisan. Di Malaysia juga, terdapat beberapa penulis yang mendapat pulangan yang lumayan tetapi masih tidak boleh menyaingi penulis negara kerana lapang terbitnya buku di Malaysia tidak begitu meluas. Dalam bidang penulisan iklan pula, Haji Yusof Osman, penulis iklan bebas pernah menyatakan dalam Bual Bahasa November 2010 bahawa untuk mendapat gaji pengarah urusan, tidak semestinya perlu menjadi pengarah urusan. Beliau berkata sedemikian kerana kerja penulisan iklan juga dapat menghasilkan pulangan yang lumayan. Cuma, masih banyak yang belum mengetahui rahsia penghasilan di sebalik kerja tersebut. Selain bidang penulisan buku dan iklan, bidang penulisan lain yang juga dapat menghasilkan pendapatan yang lumayan, termasuklah penulisan lirik lagu dan skrip filem atau drama. Begitu juga penyuntingan, penterjemahan dan penganjuran kursus yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu. Industri yang berkaitan dengan